

21/08/2005

Mahathir-Rasuah

DR MAHATHIR BIMBANG RASUAH GOLONGAN BERILMU

BANDAR SERI ISKANDAR, 21 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan kebimbangan terhadap kejadian rasuah dan salah guna kuasa yang menular di kalangan golongan berilmu dan berkedudukan tinggi dalam kerajaan dan swasta.

Beliau berkata masalah itu berlaku kerana golongan berilmu itu tidak memiliki nilai hidup yang mulia.

"Ilmu dengan sendirinya bahaya, orang yang berilmu tetapi tidak bersikap mulia akan salah gunakan kuasa dan ilmu. Kesannya lebih buruk daripada orang yang tidak berilmu," katanya ketika berucap pada majlis konvokesyen kelima Universiti Teknologi Petronas di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Canselor UTP berkata, bukannya nilai hidup mulia itu tidak disemai kerana bermula dari rumah, sekolah dan universiti, memang ada usaha untuk menyemai nilai mulia.

Katanya rasuah berlaku kerana semakin ramai yang tidak menganggap ia sebagai jenayah.

"Ada yang kata apa salah terima sedikit. Yang jadi masalah ialah apabila menjadi budaya, yang sedikit jadi bertambah.

"Kita akan ditekan dengan keperluan yang sepatutnya tidak ada, hinggakan nak dapat tempat di kubur pun kena bayar...ini berlaku di negara lain," katanya

Dr Mahathir berkata ada negara, rasuah menjadi budaya dan apabila ini berlaku, sesebuah negara itu tidak mungkin maju walaupun ramai rakyatnya berilmu.

"Semua perbelanjaan akan menjadi begitu tinggi kerana sepanjang jalan kena hulur rasuah. Rakyat miskin akan menderita, rakyat akan terus miskin dan menjadi beban," katanya.

Beliau berkata bahawa akhbar banyak melaporkan tentang berlakunya kecuaiian, salah guna kuasa dan pentadbiran kurang baik yang dilakukan oleh orang berilmu.

"Ini bukti ilmu itu sendiri tidak bawa kebaikan. Ia perlu disertai dengan nilai mulia kerana ia akan mencegah sebarang tarikan nafsu yang merosakkan diri dan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir menasihati para graduan yang bakal menjadi pemimpin supaya tidak gopoh untuk menjadi kaya hinggakan tidak lagi mengambil kira caranya.

Katanya graduan perlu kawal nafsu, berdisiplin dan tidak terlibat dengan rasuah kerana jika pemimpin sendiri yang terlibat rasuah, apa lagi pengikutnya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata setakat ini tabiat rasuah di Malaysia belum berleluasa dan merebak memandangkan yang miskin masih berpeluang ke sekolah dan universiti serta mendapat jawatan berpangkat disebabkan tidak ada tekanan daripada amalan rasuah.

Sebelum itu, beliau menyampaikan ijazah kepada 542 graduan lulusan kejuruteraan kimia, awam, elektrik, elektronik dan mekanikal, jurusan teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem maklumat perniagaan selain 21 graduan peringkat sarjana.

Graduan kejuruteraan kimia Noradnin Nawawi memenangi kategori emas Anugerah Canselor.

-- BERNAMA

MOZ MAI